

Sindrom 'cikgu ganas'

# 'Bedah siasat' guru bermasalah

Metro Had m/s 10 29.4.07

Faktor paling utama dibelenggu tekanan ketika bertugas



KEJAM... pelajar Sekolah Kebangsaan Padang Sanai, Alor Star, Kedah, Mohd Fakrul Razi Mohd Yusof dan Mohd Tarmizi Md Rik terpaksa menerima dua jahitan selepas dipukul oleh guru mereka.


>>Oleh ZAINUDDIN ZAIN dan ASMIZAN MOHD SAMIRAN

metahad@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Satu demi satu kejadian salah laku guru terhadap murid kebelakangan ini menimbulkan kebimbangan masyarakat dan memerlukan tindakan segera serta menyeluruh oleh kerajaan bagi menyekat sindrom 'cikgu ganas' ini daripada terus berlaku.

Pemantauan sepanjang bulan ini saja mendapati sekurang-kurangnya enam kejadian mengenai salah laku guru dilaporkan media, termasuk kes guru menghadapi pertuduhan mencabul pelajar, ditahan kerana disyaki menghisap dadah manakala Februari lalu seorang guru wanita didakwa mengetuk kepala pelajarnya dengan kasut tumit tinggi.

Dua organisasi berkaitan profesion perguruan, Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN) dan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) turut bimbang dengan perkembangan negatif itu serta bersetuju



Ada juga guru tertekan kerana gaji dan kemudahan dinikmati tidak setimpal dengan tanggungjawab yang perlu dipikul"

>Prof Madya Mohd Ali Hassan  
Presiden PIBGN



Tugas dalam bidang perguruan pada masa kini bukan mudah. Pelajar sekarang bukan seperti 20 atau 30 tahun lalu"

>Lok Yim Pheng  
Setiausaha Agung NUTP

terpaksa menjadi guru sehingga mereka melaksanakan tanggungjawab secara sesuka hati.


"Ada juga guru tertekan kerana gaji dan kemudahan dinikmati tidak setimpal dengan tanggungjawab yang perlu dipikul. Ini kerana kebelakangan ini banyak aktiviti atau program yang harus mereka selia dan hadiri di sekolah, sedangkan pada masa sama mereka juga harus menunaikan tanggungjawab lain, terutama menguruskan keluarga sendiri," katanya.

Mohd Ali berkata, apa

apatah lagi ia membabitkan 'tulang belakang masyarakat' iaitu guru. Perlu ada penyelesaian terbaik bagi mengatasinya," katanya.

Setiausaha Agung NUTP, Lok Yim Pheng, pula berkata ada guru mempunyai mentaliti bahawa setiap murid diajar akan mengikut kata mereka, tetapi realitinya hari ini ramai murid tidak mendengar kata.

"Dalam keadaan sedemikian, timbul suasana guru tertekan. Bagaimanapun sebagai guru, mereka tidak seharusnya berfikir begitu.



**TIDAK BERTANGGUNGJAWAB...** Abdul Rashid Hussain, 50, dari Kampung Kuala Beris, Alor Star, Kedah menunjukkan bahagian pinggang anaknya, Andinda Amirul, 12, yang dua kali ditendang gurunya.

'bedah siasat' perlu dilakukan untuk mengetahui punca segelintir guru bertindak sedemikian.

Presiden PIBGN, Prof Madya Mohd Ali Hassan, berkata satu suruhanjaya khas sepatutnya ditubuhkan kerana masalah membabitkan guru tidak boleh dipandang remeh memandangkan ia berkaitan barisan yang membentuk generasi masa depan.

Katanya, suruhanjaya itu perlu bertanggungjawab mengkaji segala masalah berkaitan kerjaya perguruan dan pada masa sama menyiasat semua kes yang berlaku bagi mendapat gambaran sebenar, seterusnya mencadangkan jalan penyelesaian.

"Banyak faktor mendorong guru bertindak ganas sehingga tergamak mencederakan murid. Faktor paling utama adalah dibelenggu tekanan. Ada guru tidak berminat menjadi guru, tetapi

yang berlaku dikhuatiri mengganggu pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010, terutama teras kelima iaitu memartabatkan profesion perguruan.

"Sehubungan itu, sampai masanya golongan guru diberi pertimbangan sewajarnya. Sebagai contoh, mengenai gaji, tumpuan tidak seharusnya cenderung kepada beberapa golongan saja seperti guru cemerlang atau guru pakar. Beri kenaikan gaji kepada lebih ramai guru, terutama guru di luar bandar," katanya.

Beliau berkata, program pemulihan itu bukan saja bagi mengelak imej kerjaya perguruan yang dianggap mulia daripada tercalar, tetapi juga lahir lebih banyak 'cikgu ganas' di dalam masyarakat pada masa depan.

"Meskipun jumlahnya kecil sekarang, pelakuan seperti itu tidak boleh dibiarkan,

"Ini kerana tugas dalam bidang perguruan pada masa kini bukan mudah. Pelajar sekarang bukan seperti 20 atau 30 tahun lalu kerana mereka didedahkan dengan banyak teknologi dan informasi terkini," katanya.

Lok berkata, jika sesuatu salah laku membabitkan guru berlaku, kesalahan berkenaan tidak seharusnya diletakkan ke atas guru berkenaan semata-mata.

"Setiap masalah pasti ada punca. Pada masa kini bukan saja guru pukul murid, tetapi ada juga murid memukul guru. Bagaimanapun, berapa banyak kes berkenaan dihebahkan," katanya.

Lok berkata, kaedah terbaik bagi mencari jalan mengatasi masalah itu ialah membuat kajian sedalam-dalamnya. Hasil kajian perlu dikongsi dan dipraktikkan bersama.

**>> Lagi berita  
di muka 12**

## >Kes berkaitan 'cikgu ganas' dilaporkan akhbar sepanjang 2007

**26 April 2007:**

**KUALA LUMPUR:** Sukar dipercayai apabila seorang guru antara empat lelaki yang ditahan polis bandar raya kerana terbabit dalam penagihan ganja.

Dalam operasi dijalankan sepasukan anggota Jabatan Narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur, lelaki berusia 20-an itu, yang mengajar di sebuah sekolah di Lembah Klang, didapati positif dalam ujian air kencing bersama beberapa suspek, termasuk seorang pengawal keselamatan.

**26 April 2007:**

**KOTA BHARU:** Akibat tidak tahan menjadi pemuas nafsu gurunya, seorang pelajar tingkatan tiga sebuah sekolah di Rantau Panjang, dekat Pasir Mas, membuat laporan polis kelmarin.

Pelajar berusia 15 tahun itu mendakwa guru itu beberapa kali mencabul kehormatannya, termasuk di sekolah dan rumah suspek.

**7 April 2007:**

**SIK:** Seorang bapa mendakwa anaknya, murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan Lubuk Merbau di sini, ditendang guru agamanya kerana bangun dari tempat duduk untuk mengambil kotak pensil yang terjatuh.

Abdul Rashid Hussain, 50, penoreh getah dari Kampung Kuala Beris di sini, berkata perbuatan guru itu tidak boleh diterima kerana

kesalahan di sekolah.

**6 Mac 2007:**

**BANTING:** Seorang pelajar yang baru dua jam mendaftar diri pada hari pertama persekolahan di sekolah barunya, menghadapi kemungkinan buta apabila terkena pembaris kayu dilontar seorang guru.

Ketika itu, pelajar tingkatan dua itu mengikuti mata pelajaran Sains berkaitan mata di sebuah sekolah di Pulau Carey di sini.

**26 Februari 2007:**

**KUALA NERANG:** Tiga murid tahun empat Sekolah Kebangsaan Padang Sanai dekat sini, menerima satu hingga dua jahitan di kepala selepas didakwa diketuk dengan kasut tumit tinggi oleh seorang guru wanita, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 10 pagi itu, kepala lapan murid dalam satu kelas, termasuk dua perempuan, didakwa diketuk guru wanita berkenaan selepas dikatakan tidak membawa buku latihan Bahasa Inggeris.

Bagaimanapun, hanya tiga murid lelaki terbabit yang mula-mula dipukul guru berkenaan mengalami pendarahan di kepala hingga terpaksa dihantar ke Hospital Kuala Nerang untuk rawatan lanjut.

**14 Januari 2007:**

**DUNGUN:** Seorang murid

## Sindrom 'cikgu ganas'

# Atasi segera

Metro Akad  
M/S 12 29.4.07

**ORANG** ramai memberikan reaksi berbeza berhubung sindrom 'cikgu ganas' yang kini menimbulkan kebimbangan masyarakat. Bagaimanapun, rata-ratanya bersetuju masalah itu perlu segera diatasi.



### Biar ikhlas

"UNTUK menjadi guru, seseorang itu perlu benar-benar ikhlas melaksanakan amanah yang diberikan. Jika tidak ikhlas dan memilih profesion perguruan kerana terpaksa, apa saja boleh berlaku.

Mungkin ada guru sanggup menghisap ganja dan mencederakan murid."

**Norhanifah Abd Jalil**  
Pengurus Kanan

### Jumlah kecil

"BUKAN semua guru terbabit dalam sindrom 'cikgu ganas'. Saya percaya jumlahnya kecil. Barangkali situasi yang berlaku ibarat 'kerana nila setitik, rosak susu sebelanga'.

Bagaimanapun, masalah itu perlu dihalusi dan diteliti sebaik mungkin supaya ada jalan penyelesaiannya."

**Mohd Hamdan Muhamad**  
Pegawai Akaun



### Cemar imej

"SECARA keseluruhan, masalah salah laku guru yang kerap dilaporkan media sejak kebelakangan ini memang mencemarkan imej profesion perguruan.

Harus diingat, profesion perguruan dianggap mulia di kalangan masyarakat. Contoh paling ketara, seseorang guru itu akan dipanggil cikgu sehingga akhir hayat."

**Norhazlinda Mohd Saad**  
Pembantu Penilaian

### Cari punca

"JANGAN salahkan guru saja. Tentu ada sebab yang memungkinkan seseorang guru itu menjadi 'cikgu ganas'.

Harus diingat, tanpa guru, siapa akan mendidik anak bangsa kita? Begitupun, guru yang benar-benar bersalah tetap perlu dikenakan tindakan tegas supaya dapat dijadikan pengajaran kepada guru lain."

**Mohd Zain Abd Rahman**  
Pustakawan

### Kena bersabar

"GURU zaman sekarang barangkali perlu mempunyai tahap kesabaran tinggi. Murid dan pelajar pada zaman moden ini lain sikit.

Tidak hairan, ada guru hilang sabar dan sanggup bertindak di luar batasan. Ia memang membimbangkan. Namun, tak semua tergolong dalam kategori 'cikgu ganas'."

**Wan Nor Azizah Wan Mahmood**  
Pembantu Tadbir

# Polis tahan guru cabul pelajar

>>Oleh **HAFIZAN TAIB**  
am@hmetro.com.my

**P**ARIT: Polis menahan seorang guru kerana dipercayai mencabul kehormatan seorang pelajar perempuan di sebuah sekolah menengah di Kampung Gajah, dekat sini, Rabu lalu.

Guru kaunseling berusia 46 tahun itu dilaporkan mengambil kesempatan melakukan perbuatan terkutuk itu terhadap pelajar tingkatan tiga terbabit ketika sesi kaunseling dijalankan dalam sebuah bilik di sekolah berkenaan.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintendan Salehudin Abdul Rahman, berkata polis menahan guru

berkenaan yang sudah berumahtangga selepas menerima laporan berhubung kejadian itu.

Menurutnya, guru itu ditahan di kawasan Balai Polis Bota, malam kelmarin.

“Guru itu ditahan reman selama tiga hari bermula hari ini (semalam) bagi membantu siasatan lanjut berhubung kes berkenaan.

“Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan, jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak lebih 10 tahun atau denda atau disebat atau mana-mana dua daripada hukuman itu,” katanya.

Salehudin berkata, penguurusan sekolah menengah itu sudah dimaklumkan berhu-



**TAHAN...** suspek dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Ipoh selepas polis mendapat perintah tahanan reman ke atasnya semalam.

bung penahanan guru kaunseling berkenaan.

Katanya, pelajar perempuan itu menetap bersama keluarganya di kawasan perumahan di Kampung Ga-

jah, dekat sini.

“Laporan dibuat keluarga pelajar itu selepas mangsa memaklumkan perlakuan sumbang guru lelaki terbabit ke atasnya,” katanya.

menegur menggunakan kaki sehingga menyebabkan anaknya kesakitan.

Beliau mendakwa guru itu menendang anaknya dua kali di depan 40 murid lain ketika kelas agama Islam, Isnin lalu.

**6 April 2007:**

**PASIR GUDANG:** Beberapa nota ditulis seorang murid tahun dua yang mencurahkan perasaannya selepas dipukul guru Bahasa Melayu bagaikan menjadi bukti ‘penderaan’ di sebuah sekolah rendah di sini.

Bukti itu semakin jelas apabila mata kiri murid itu, Siti Nur Fatimah Samsudin, 8, mengalami pendarahan beku, dipercayai akibat dipukul guru terbabit, petang kelmarin.

Perasaan itu hanya diluahkan menerusi tulisan di kertas selepas aduannya kepada ibu bapa tidak diendahkan berikutan mereka beranggapan murid itu mungkin melakukan

laksi tahun dua di Jerangau, kira-kira 40 kilometer dari sini, mendakwa guru muzik melondehkan seluarnya hingga ke paras lutut di depan teman sekelasnya, Rabu lalu.

Mohammad Nabill Iman Hakkiem Zulkifli, 8, berkata guru muzik itu bertindak demikian kemungkinan sebagai hukuman berikutan dia tak membawa buku latihan.

**10 Januari 2007:**

**GUA MUSANG:** Seorang bapa menganggap tindakan guru disiplin sebuah sekolah menengah di sini menggantung kolar baju anak lelakinya kerana didakwa tidak mengikut peraturan pakaian seragam, sebagai tidak bertamadun dan mengaibkan.

Dia yang hanya mahu dikenali sebagai Man berkata, guru itu sepatutnya merujuk kepada ibu bapa pelajar atau anaknya diberi amaran terlebih dulu.